



**PEGURUSAN PRODUKSI TEATER SEKUTU GHURABA DAN
JABATAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI JOHOR:
SUATU PERBANDINGAN**

MUHAMAD NOR AZIM BIN SEBTU

52647

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(WA59 - Pengurusan Seni)

2018

**PEGURUSAN PRODUKSI TEATER SEKUTU GHURABA DAN
JABATAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN NEGERI JOHOR:
SUATU PERBANDINGAN**

MUHAMAD NOR AZIM BIN SEBTU

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni
Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PENGURUSAN PRODUKSI TEATER SEBUTU GUYRABA DAN JKKN JOHOR :
SUATU PERRANDINGAN
SESI PENGAJIAN : 2015/2016

Saya : (Nama) MUHAMMAD NOR AHM BIN SEBTU

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)


SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



Tandatangan Penulis
Tarikh : 4.6.18

Disahkan



Tandatangan Penyelia
Tarikh : 4.6.18

Alamat tetap : F-10D Kampung Ayer Manis
81020, Kulai, Johor

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**PEGURUSAN PRODUKSI TEATER SEKUTU GHURABA DAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, NEGERI JOHOR: SUATU PERBANDINGAN**' telah disediakan oleh **Muhamad Nor Azim bin Sebtu** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima dan diperiksa oleh;

(Puan Rahah Hj. Hassan)

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institute pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(MUHAMAD NOR AZIM BIN SEBTU)

52647

Program Pengurusan Seni

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

HALAMAN TAJUK

BORANG PENGESAHAN

BORANG PENGAKUAN

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI RAJAH

ABSTRAK 1

PENGENALAN

Pendahuluan 2

Latar Belakang Kajian 3

Sejarah Teater Dunia 6

Sejarah Teater Malaysia 7

Sejarah Teater Johor 8

Definisi Kajian 9

Objektif Kajian 10

Permasalahan Kajian 11

Persoalan Kajian 12

Kepentingan Kajian 13

Skop Kajian 14

Lokasi Kajian	15
SOROTAN KAJIAN	17
Pendekatan Teorikal	21
Kesimpulan	25
METODOLOGI KAJIAN	
Pendahuluan	27
Pendekatan Teorikal	28
Kaedah Kajian	29
Kesimpulan	32
DAPATAN KAJIAN	33
Kesimpulan	56
RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN	
Pengenalan	57
Rumusan	58
Perbincangan	61
Cadangan	66
Kesimpulan	68
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

PENGURUSAN PRODUKSI PENTAS PESATUAN TEATER SEKUTU GHURABA DAN JKKN JOHOR: SUATU PERBANDINGAN

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini dilakukan bagi mengenalpasti kaedah pengurusan pentas yang diamalkan oleh produksi teater Sekutu Ghuraba dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor. Dengan percaya bahawa wujud jurang perbezaan kaedah pengurusan pentas yang diamalkan oleh kedua-dua produksi tersebut, pengkaji telah menemubual kedua-dua belah pihak dan merekod beberapa bukti pemerhatian yang menjelaskan pengurusan pentas yang dilakukan bermula daripada pengurusan keselamatan dan juga pengurusan sewaktu kecemasan.

ABSTRACT

This scientific study was conducted to identify the stage management method practiced by the Ghuraba Allied theatrical production and the Department of National Culture and Arts, Johor. By believing that there is a gap between the stage management methods practiced by both production, researchers have interviewed both parties and recorded some evidence of observations explaining stage management from security management as well as emergency management.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui perbezaan sistem pengurusan yang dilaksanakan oleh organisasi teater khususnya Sekutu Ghuraba dan juga Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan latar belakang kajian iaitu sejarah berkenaan dengan seni teater ini bermula daripada seni persembahan purba sehinggalah pada era kotemporari. Dalam bab ini pengkaji juga akan menerangkan objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, dan skop kajian yang akan dijalankan dengan lebih khusus lagi.

1.2 Sejarah Teater Dunia

Latar belakang kajian ini ialah pada tahun 2016 iaitu sekarang. Namun begitu, seni teater di sudah lama wujud dan dilaksanakan di Johor untuk tujuan persembahan dan pemeliharaan kesenian. Menurut P. Hartnoll (1968) seni teater yang merangkumi keseluruhan seni persembahan seperti nyanyian, lakonan, bacaan puisi, dan komedi menjadi wadah untuk pengkarya menyampaikan mesej secara telus kepada penonton (audien).

Teater jika dilihat daripada sejarah lampaunya, lebih merujuk kepada acara keagamaan masyarakat purba. Sejarah kemanusiaan merekodkan telah wujud kesenian yang bertujuan untuk menyampaikan dan menyebarkan dakwah agama. Menurut P.Hartnoll (1968) manusia terdahulu telah mengamalkan nyanyian dan tarian yang memuji-muji Tuhan, dipersembahkan oleh pendeta dan penganut yang berpakaian kulit haiwan, gambaran berkenaan kelahiran, kematian dan kebangkitan. Sehingga masa kini, ritual-ritual seperti dinyatakan masih lagi diamalkan, tetapi bagi masyarakat asli dan primitif sahaja.

Sejarah hebat dunia teater ni bermula pada zaman ketamadunan Barat yang berpusat di Greece pada abad kelima s.m. Di greece, muncul genre tragedi dan komedi yang masih wujud sehingga sekarang dan dilakonkan oleh pelakon dan bukan lagi pendeta. Lakonan tersebut dijalankan di dalam bangunan atau kawasan khas. Bukan lagi di rumah ibadat sesebuah agama.(Hartnoll,1968)

Seterusnya, sejarah perkembangan teater ini tersebar sewaktu zaman pertengahan. Dalam tempoh zaman pertengahan ini, teater berkembang di sekitar Rom dan Eropah. Menurut Hartnoll(1968) seni persembahan di Rom tidak begitu hebat. Pemain hanya persembahkan dalam bentuk bacaan dan quote, tetapi tidak

dilakokkan. Manakala di sekitar Eropah pula cuma wujud penghibur- penghibur janaan yang bergerak sendiri ataupun dalam kumpulan yang kecil. Mereka ini terdiri daripada ahli akrobatik, penari, peniru (mimics), pelatih haiwan, penyulap, ahli gusti, penyanyi ballad, dan penglipur lara. Pergerakan teater tradisional ini berterusan sehinggalah waktu awal kedatangan Kristan awal yang melarang untuk menyertai dan menonton persembahan teater.

Seterusnya, Menurut Hartnoll (1968) teater di Eropah berkembang sewaktu ketibaan zaman Kebangkitan (renaissance) iaitu selepas kejatuhan Konstatinopel ke tangan Turki pada tahun 1453. Pada penghujung Abad ke-15, Orang kaya Itali yang menung pergerakan teater menggalakkan persembahan berunsurkan klasik dan tradisional seperti drama *Le Sacre Rappresentazioni*. Di England pula, teater dilaksanakan sebagai alat menyebarkan propaganda untuk kaunter-reformasi dan usaha ini berterusan sehinggalah teater berpropaganda ini diharamkan pada tahun 1765.

Selari dengan zaman tersebut, teater sudah diangkat sebagai seni profesional di England. Menurut Hartnoll(1968) wujud satu fenomena teater dikenali sebagai *The Elizabethan Theater*. Teater ini dilaksanakan di dalam satu bangunan yang dikenali sebagai The Globe dan mempersembahkan karya-karya daripada karyawan popular, William Shakespear.

1.3 Sejarah Teater Di Malaysia

Seni teater ini sudah lama wujud di Malaysia. Menurut Rahmah(1989) teater tradisional seperti Teater Bangsawan telah bertapak di Malaysia sejak tahun 1970-an. Pada ketika itu juga Teater Bangsawan dikenali dengan nama “Wayang Parsi” atau “Mendu”.Teater Bangsawan merupakan sebuah hiburan yang popular sekitar tahun 1980-an. Wujud perbagai unsur kesenian di dalam Teater Bangsawan iaitu seni lakonan, seni tarian, seni nyanyian, seni penceritaan dan juga seni visual. Elemen-elemen kesenian ini bergabung dan saling berkait dalam menjadikan seni teater ini lebih menarik dan seronok untuk dipertontonkan.

Jika dikaji semula, seni persembahan seperti teater ini sudah wujud sebelum penerimaan pengaruh daripada negara-negara asing lagi. Ritual Bagih dan Main Puteri boleh diklasifikasikan sebagai gaya teater perubatan, dibangunkan sendiri oleh kepercayaan animistik masyarakat asli di Malaysia(G. S. Yousof,2005). Persembahan ritual itu dilaksanakan oleh bomoh untuk mengubati penyakit menggunakan Semangat (*lost spirit*) yang sudah dikawal. Berdasarkan kenyataan pengkaji lepas tersebut menyatakan bahawa seni teater ini sudah menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat Malaysia sejak sekian lama lagi.

1.4 Seni Teater di Johor

Pengkaji mendapati bahawa pergerakan seni di Johor sangat aktif selari dengan Kuala Lumpur dan Sarawak. Perkara tersebut dapat dilihat apabila tertubuhnya Sekolah Seni pada tahun 2007 di bawah pentadbiran SMK Mohd Khalid Johor Bahru. Cadangan penubuhan Sekolah Seni Johor Bahru telah diputuskan dalam Persidangan Perancangan Strategik Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 2004 yang diadakan di Hotel KLIA Sepang pada 30 Oktober hingga 1 November 2004.

JKKN Johor memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan seni teater di Johor. Kumpulan teater JKKN Johor bergiat aktif dalam mengadakan persembahan di sekitar Johor. Kumpulan teater JKKN Johor bukan sahaja bergiat aktif dalam membuat persembahan, mereka juga menganjur bagi Festival Teater yang melibatkan kumpulan-kumpulan teater dari seluruh negara.

Sekutu Ghuraba merupakan organisasi seni independen yang bergerak bebas. Menurut DetikDaily iaitu sebuah akhbar sesawang dalam keluaran Oktober 2016, Sekutu Ghuraba merupakan kumpulan seni persembahan yang dianggotai oleh anak-anak muda sekitar Johor Bahru.



Gambar 1.1: Logo Sekutu Ghuraba

(Sumber: Akaun Facebook rasmi Sekutu Ghuraba)



Gambar 1.2; Logo Jabatan Kebudayaan dan Kesenian

(Sumber: Google Image)

1.5 Definisi Kajian

i. Definisi Pegurusan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) Pegurusan bermaksud satu tingkah laku atau hal mengurus sesuatu seperti syarikat, perniagaan dll. Selain itu, Menurut W. J. Byrnes, pengurusan di dalam buku *Management and The Arts*, pengurusan merupakan satu proses mengawal manusia dan sumber bahan dalam membantu sesebuah badan (Organisasi) mencapai matlamat mereka. Menurut kepada pernyataan ini, seorang pengarah atau pengurus pentas, pereka cahaya, seorang kondaktor, seorang kareografer, dan seorang kurator semuanya diakatogarikan sebagai seorang pengurus.

ii. Definisi Produksi

Menurut Kamus Besar Indonesia (2001), produksi memberi maksud suatu proses mengeluarkan hasil ataupun penghasilan sesuatu barangan mahupun servis. Produksi juga boleh digunakan dengan maksud membikin atau pembuatan terutama sekali dalam bidang perfileman.

iii. Definisi Teater

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) teater merujuk kepada sebuah bangunan di mana di dalamnya terdapat pentas untuk mempersembahkan muzik, drama, hiburan dan sebagainya dan dipertontonkan oleh orang ramai (audien). Teater merangkumi segala kesenian yang dipentaskan termasuklah perihal kebudayaan dan politik. Berdasarkan definisi tersebut menyatakan bahawa teater meliputi segala bentuk seni persembahan yang mempunyai nilai dan mesej untuk disampaikan kepada penonton.

“...Theater is derived from a Greek word meaning “to watch”), but in theater we also hear it, thus becoming an audience (audience is derived from Latin word meaning “to hear”).(S.Barnet & Alt.,1972:p 4)

Berdasarkan kenyataan tersebut, makna teater sudah menggambarkan fungsi teater kepada audien dalam memenuhi kehendak mereka. Penonton teater sendiri berfungsi untuk mendengar dan melihat kesenian, pergerakan dan penyampaian dalam suatu pementasan teater dalam merealisasikan definisi teater itu sendiri.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membandingkan kaedah pengurusan pentas yang diamalkan dalam organisasi teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini disenaraikan seperti berikut :

- i. Mengenalpasti proses pengurusan produksi pentas diamalkan oleh organisasi teater Sekutu Ghuraba
- ii. Mengkaji keadah pengurusan produksi pentas teater yang dilaksanakan oleh JKKN negeri Johor

1.7 Permasalahan Kajian

Seni teater ini sudah lama wujud dan dilaksanakan di Johor untuk tujuan persembahan dan pemeliharaan kesenian. Seni teater yang merangkumi keseluruhan seni persembahan seperti nyanyian, lakonan, bacaan puisi, dan komedi menjadi wadah untuk pengkarya menyampaikan mesej secara telus kepada penonton (audien). Untuk di Johor sendiri, wujud organisasi yang menggerakkan seni teater supaya kesenian tersebut kekal terpelihara.

Pengkaji berpendapat bahawa wujudnya jurang sistem pengurusan dalam kumpulan teater amatur dan kumpulan teater professional. Hal tersebut dibuktikan apabila pengkaji yang pernah menonton persembahan teater daripada kedua-dua kelas (amatur dan profesional) yang menampilkan kaedah pengurusan yang berbeza. Pengkaji ingin mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan kaedah pengurusan yang diamalkan oleh kumpulan teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor.

1.8 Persoalan Kajian

- i. Apakah kaedah pengurusan yang diamalkan oleh organisasi teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor?
- ii. Adakah wujudnya perbezaan kaedah pengurusan dalam organisasi teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor?

1.9 Kepentingan Kajian

Dalam kajian ini penyelidik ingin mengetahui apakah jenis kaedah pengurusan yang diamalkan di dalam organisasi teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor. Penyelidikan tersebut dijalankan agar ahli-ahli organisasi tersebut mengenalpasti bahawa proses pengurusan yang diamalkan bersesuaian atau tidak. Secara tidak langsung mereka dapat berusaha untuk melakukan tranformasi terhadap sistem pengurusan mereka.

Sehubungan dengan itu, tahap penerimaan penonton tidaklah befokus kepada seni teater yang dipersembahkan oleh persatuan profesional seperti JKKN Johor sahaja malah sudah boleh menerima setiap mesej yang disampaikan oleh organisasi teater amatur seperti Sekutu Ghuraba.


1.10 Skop Kajian

Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui apakah proses pengurusan yang diamalkan oleh organisasi teater Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor. Pengkaji akan mengambil inisiatif untuk menemuramah beberapa orang ahli Sekutu Ghuraba dan JKKN Johor. Di sini pengkaji akan dapat mengenalpasti apakah sistem komunikasi yang diamalkan dalam setiap organisasi. Skop kajian ini akan melibatkan masyarakat yang tinggal di kawasan Kulai dan juga pekerja JKKN Johor.

1.11 Lokasi kajian

Berikut merupakan lokasi kajian yang akan dijalankan:

- i. Sekitar Johor Bahru, Johor.
- ii. Pejabat Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Johor.



Gambar 1.3: Peta Johor Bahru

(Sumber: Google Image)